

22 FEB 2001

D8-Malaysia

MALAYSIA PERCAYA KEJAYAAN D-8 BERGANTUNG KEPADA KOMITMEN ANGGOTA

Oleh: Abdul Muin Majid

KAHERAH, 22 Feb (Bernama) -- Malaysia percaya kejayaan Kumpulan Lapan Negara-Negara Membangun Islam (D-8) bergantung kepada komitmen dan tahap penyertaan negara anggotanya, kata Timbalan Ketua Setiausaha 1 Kementerian Luar, Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak hari ini.

Beliau berkata bagi membolehkan D-8 terus aktif, negara-negara anggota perlu memberi cadangan atau program yang boleh dilaksanakan oleh semua pihak terbabit.

Bercakap kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan sidang kemuncak Ketua-ketua Negara dan Kerajaan lapan negara yang dijadualkan Ahad ini, Ahmad Fuzi berkata selain sumbangan dalam mentadbirkan program latihan kewangan dan penswastan, Kuala Lumpur berpendapat ia juga boleh memberikan pengetahuannya dalam bidang lain.

Malaysia akan diwakili pada sidang kemuncak itu oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan ditiba di ibu negara Mesir itu Sabtu ini.

Ahmad Fuzi, yang sebelum ini menyertai sesi ke-10 mesyuarat suruhanjaya D-8, berkata penglibatan Malaysia dengan D-8 juga menyediakan peluang bekerja dengan negara-negara anggota pada peringkat yang berlainan.

"Kita mesti ingat bahawa kita adalah anggota masyarakat antarabangsa dan adalah sentiasa menjadi satu penghormatan kepada kita menjadi anggota kumpulan antarabangsa, dan dalam kes ini ialah D-8," tambah beliau.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak dapat menghadiri persidangan di Kaherah ini kerana mempunyai komitmen dalam negeri.

Mengenai kemungkinan meluaskan keanggotaan D-8, beliau berkata perkara ini mungkin dibincangkan di peringkat menteri luar dan Malaysia tidak mempunyai apa-apa cadangan mengenai perkara ini.

Mengenai cadangan menyelaraskan peraturan visa bagi membolehkan ahli-ahli perniagaan lapan negara bergerak bebas, beliau berkata pandangan Malaysia ialah ia hendaklah dilakukan berdasarkan hubungan dua hala.

Lapan negara Islam diketuai Turki melancarkan pembentukan D-8 pada sidang kemuncak di Istanbul pada 15 Jun, 1997.

Pengerusi D-8 ketika ini ialah Bangladesh yang tempoh itu tamat tidak lama lagi.

Pada persidangan kemuncak pertama di Istanbul, D-8 bersetuju beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dan projek yang patut dilaksanakan oleh negara anggota.

Ia adalah kewangan, banking, penswastan (Malaysia), industri (Turki), perdagangan (Mesir), pembasmian kemiskinan (Indonesia), pertanian (Pakistan), penerangan dan telekomunikasi (Iran), pembangunan luar bandar (Bangladesh) dan tenaga (Nigeria).

-- BERNAMA

MAM ZB